

ISLAM DI SARAWAK: SEJARAH AWAL DAN FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN ISLAM DI SARAWAK

Ahmad Nasir Mohd Yusoff

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertajuk "Islam Di Sarawak: Sejarah Awal dan Faktor-faktor Perkembangan Islam di Sarawak". Persoalan utama kajian ini adalah bagaimana Islam mula berkembang di Sarawak. Persoalan ini dibahagikan kepada beberapa persoalan; 1) Bagaimana kerajaan Brunei berperanan dalam proses penyebaran Islam? 2) Bagaimana peranan para pedagang? 3) Bagaimana ulama bergerak aktif menyampaikan dakwah Islam? 4) Bagaimana keadaan masyarakat Sarawak di awal kedatangan Islam? dan beberapa persoalan lain seperti peranan Datu Andi (Raja Jarum) dan tokoh-tokoh pembesar lain. Kaedah penyelidikan, pengkaji menggunakan kaedah persejarahan, dan teknik kajian adalah dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas. Berdasarkan hasil kajian ini menunjukkan bahawa Islam datang ke Sarawak dalam keadaan masyarakat yang sedar dan inginkan perubahan beragama dan sesuai dengan kehidupan yang mereka lalui. Kajian juga menunjukkan peranan kesultanan Brunei dalam merealisasikan dakwah Islam di bumi Sarawak tersebar luas disamping bantuan ahli peniaga, golongan syarif, maulana serta faktor perdagangan.

Kata Kunci : Islam, Sarawak, Brunei, perkembangan, dakwah

ISLAM IN SARAWAK: THE EARLY HISTORY AND GROWTH FACTORS OF ISLAM IN SARAWAK

ABSTRACT

This working paper entitled "Islam in Sarawak: The Early History & Growth Factors of Islam in Sarawak". The main question of this research is how Islam began to grow in the state. The issue is divided into several questions; 1) How the Brunei government plays a role in the spread of Islam? 2) How is the role of the merchant? 3) How do scholars actively convey the message of Islam? 4) How are the people of Sarawak in the early arrival of Islam and some other issues such as

the role of Datu Andi (King needles) and other officials of the figures. The research method, researchers using the historical method, and engineering research is with reference to previous studies based. The results of this study show that Islam came to Sarawak in a society that is aware and want a change of religion and according to the life they had. The study also shows the role of the sultanate of Brunei Darussalam in realizing the message of Islam in the state is widespread in addition to the assistance of the dealer, the sharif, maulana and trade factors.

Keywords: Islam, Sarawak, Brunei, development, missionary

PENGENALAN

Islam mula bertapak di Sarawak pada abad ke-15 lagi dan buktinya adalah semasa pemerintahan Kesultanan Brunei ditadbir oleh Sultan Muhamad (Awang Khalak Betatar). Daerah-daerah kekuasaan Brunei seperti wilayah Kalaka, Saribas, Samarahan, Sarawak (Kuching) dan Mukah. Kini semua wilayah di atas terletak di bawah pentadbiran negeri Sarawak. Pendapat lain menyatakan Islam mula bertapak di Sarawak adalah pada abad ke 16 dan mula berkembang ke negeri-negeri lain di sekitar negeri Sarawak termasuk Bintulu. Hubungan antara Brunei dan Sarawak ini mencetuskan detik awal bermulanya Islam masuk ke Sarawak (1476M). Penekanan kepada ajaran Islam amat dititikberatkan terutama kepada orang Melayu Sarawak. Buktinya peringkat kanak-kanak didedahkan dengan ajaran Islam menerusi kaedah menghafaz, mengaji ayat-ayat al-Quran dalam bahasa Arab. Kelas-kelas mengaji al-Quran ditubuhkan di kebanyakan perkampungan Melayu Sarawak. Kanak-kanak perempuan menerima pendidikan Islam daripada ibu bapa atau ahli keluarga terdekat, manakala kanak-kanak lelaki dihantar ke rumah seorang guru atau ustaz yang amat dihormati pada ketika itu.

ISLAM DI SARAWAK

Pada tahun 1521M, Sultan Brunei telah mengeluarkan arahan agar Islam disebarkan secara lebih aktif ke seluruh wilayah Brunei dan Sarawak. Antara kawasan yang berada di bawah penguasaan Kesultanan Brunei pada ketika itu (1370M/sebelum kedatangan penjajah British mulai tahun 1830M) ialah wilayah Kalaka, Saribas, Sagong dan Samarahan termasuk Mukah, Oya, Matu dan Baram.

Hubungan yang terjalin antara Kesultanan Brunei dengan Sarawak telah memberi impak positif dalam perkembangan Islam di Sarawak kerana sebelum ini Sarawak berada di bawah jajahan taklukan Kesultanan Brunei bermula dari Tanjung Datu di Bahagian Selatan hingga ke Manila Filipina di bahagian utara.

Islam menjadi kuat pada ketika itu disebabkan pengaruh besar para pembesar dan raja-raja yang beragama Islam serta keistimewaan yang diberikan oleh Sultan Brunei (Sultan Muhamad Shah) kepada pedagang-pedagang Arab. Sultan Muhamad adalah nama baharu kepada nama asal baginda iaitu 'Awang Alak Betatar'. Dalam Salasilah Raja-raja Brunei, Sweeney (1968) mencatatkan:

'Shahadan tersebut pula negeri Johor. Adapun mula-mula pada zaman itu Sultan Bahteri naik kerajaan di dalam negeri Johor, maka zaman itu dipanggilnyalah Awang Khalak Betatar dan Pateh Merbai di dalam negeri Brunei ke Johor. Awang Khalak Betatar itu Sultan Muhamad ialah jadi raja yang pertama di dalam Brunei'.

Dalam catatan China, Raja Brunei iaitu Sultan Muhamad Shah dikenali dengan nama 'Ma-ha-mo-sa' mengikut sebutan pelat China. Gelaran ini merujuk kepada nama Islam Sultan Brunei yang pertama yang sebelum ini lebih dikenali dengan nama Awang Alak Betatar. Dato Andi juga memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam dan telah berhijrah ke Sarawak. Semasa di Sarawak, beliau telah berjaya mengislamkan ramai penduduk tempatan dan mereka menerima Islam dengan amat baik sekali. Dato Andi ini berasal dari wilayah Sumatera. Sejarah orang Melayu Sarawak amat berkait rapat dengan kerajaan Melayu Brunei. Sumber lisan daripada pembesar-pembesar Melayu di Kuching dan Saribas menyatakan pemerintahan Sarawak pada awalnya di tadbir oleh orang Melayu. Sebagai bukti cerita-cerita lagenda Raja Jarum dari wilayah Jawa dan Datu Merpati bersama anak beliau iaitu Merpati Jepang dari Sumatera yang mendiami wilayah Santubong dan Lidah Tanah. Daripada keturunan Dato Merpati ini, mereka menjadi pembesar-pembesar di Kuching yang memegang beberapa jawatan seperti Dato Patinggi, Dato Bandar dan Dato Temenggung (Mohamad Pg. Abd Rahman:2001)

Hal yang sama berlaku di Saribas yang menonjolkan orang Melayu awal di Sarawak seperti dalam cerita lagenda Abang Godam dari Minangkabau yang menjalinkan hubungan dengan pembesar Brunei, Temenggung Abdul Rahman beliau (Abang Godam) telah dilantik selepas itu sebagai pemerintah di Saribas, Lupar dan Kuching. Keturunan beliau ini kemudian menjawat jawatan Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Laksamana di Batang Saribas. Hal ini berlaku pada tahun 400 tahun di masa penguasaan Brunei yang melambangkan pemerintahan orang Melayu di Sarawak (Zainal Kling: 1989).

Madhi Johari (1988) dalam tulisan beliau tentang Hikayat Datuk Merpati : Roman Sejarah Sarawak telah mengemukakan salasilah keturunan Datu Merpati (berasal dari Jawa), malahan sebahagian besar penduduk Sarawak mengakui mereka berasal daripada keturunan Melayu Datu Merpati yang menjadi penabur benih kewujudan masyarakat Melayu Sarawak. Antara salasilah keturunan Datu Merpati seperti yang terbit dalam *Sarawak Museum Journal* (1949), dan diterbitkan oleh Muzium Sarawak iaitu: Abang Ali (Santubong) – Dato Andi (Raja Jarum Johor) – Perbaitan Sari (Anak Raja Jawa) – Dayang Murdiah - Dayang Suri (Permaisuri) – Raja Merpati – Raja Uri – Gusti - Merpati Jepang - Dayang Seri Bulan Naga – Pateh Menggadai (Datuk Patinggi). B.A St. Hepburn dalam buku beliau *The Handbook Of Sarawak* berpendapat orang Melayu Sarawak berasal dari Sumatera, Jawa, Johor dan Kalimantan (*Sarawak Museum Journal* : 1949).

Mohd Rakawi Yusof (1932) dalam buku beliau Hikayat Sarawak berpendapat orang Melayu Sarawak sememangnya berasal dari Minangkabau Sumatera manakala moyang orang Sarawak berasal dari Sumatera daripada keturunan Dato Andi yang memakai gelaran Raja Jarum. Pendapat beliau diakui oleh sarjana barat B.A. St. Hepburn.

Wan Yahya Wan Ahmad, pensyarah kanan Universiti Malaya berpendapat hubungan kedatangan Islam ke Sarawak dan kedatangan Islam ke Brunei amat berkait rapat, meskipun Sarawak yang juga dikenali sebagai Kuching pada ketika itu adalah sebuah wilayah kecil, namun ia menerima kemasukan Islam dengan begitu pesat sekali. Justeru penulis berpendapat penyebaran Islam ke Sarawak adalah melalui Brunei. Agama Islam telah bertapak di Brunei sejak abad ke-10 dan ke-11 lagi. Pada tahun 977M, satu utusan dari China yang

diketaui oleh Pu Ali (Abu Ali)¹, Shih Nu (Syeikh Nuh) dan Kadi Kassim telah tiba ke Brunei untuk menyebarkan agama Islam. Islam di China amat dihormati dan rakyat China memanggil Islam dengan nama Qing Zhen Jiao iaitu agama Qing Zhen. Qing bermaksud jernih dan Zhen bermaksud ikhlas. Sebelum itu, terdapat seorang pedagang China yang dipercayai beragama Islam iaitu Pu Lu Hsieh telah berada di Brunei.

Kebiasaan pemakaian 'Pu' ini merujuk kepada masyarakat China yang telah memeluk Islam dan juga penemuan Batu Nisan Puteri Makhdarah bt. Ali pada tahun 1048M bersamaan 440 Hijrah membuktikan Brunei adalah tapak asal kedatangan Islam sebelum Islam dibawa ke Sarawak. Kemudian peranan penyebaran Islam ini diambil pula oleh Awang Khalak Betatar. Pendapat lain ada menyatakan Islam ke Sarawak menerusi pedagang-pedagang yang datang membuat dagangan di pelabuhan seperti Santubong. Hal ini adalah kerana Santubong pada ketika itu masih berada di bawah pentadbiran Sultan Brunei. Dari sudut geografi Santubong terletak di bahagian barat daya Kepulauan Borneo. Ia pernah menjalinkan hubungan perdagangan dengan India dan China ketika pemerintahan Kesultanan Brunei pada abad ke-12 dan 13. Merujuk kepada sejarah Kesultanan Brunei, Santubong adalah ibu negeri pertama Sarawak lewat abad ke-16. Hal ini terjadi pada masa pemerintahan Pengiran Tengah Ibnu Sultan Muhamad Hassan yang merupakan anak ketiga Sultan Brunei. Beliau adalah Sultan yang pertama dan terakhir mentadbir negeri Sarawak.

Pertabalan Sultan Pengiran Tengah menjadi Sultan Sarawak Daru Hana pada tahun 1599M merupakan titik awal Islam bertapak di Sarawak. Sebelum beliau belayar ke Johor dan Pahang, beliau telah melantik Datu Patinggi Seri Setia, Datu Shahbandar Indera Wangsa, Datu Amar Seri Diraja dan Datu Temenggong Laila Wangsa sebagai menteri-menteri di beberapa wilayah pentadbiran Sarawak. Malangnya dalam perjalanan balik dari Johor, kapal yang dinaiki Sultan Pengiran Tengah telah karam berdekatan persisiran pantai Sukadana. Semasa di Sukadana Sultan Pengiran Tengah telah berkahwin dengan Puteri Sukadana. Dalam perjalanan balik ke Sarawak beliau telah meninggal

¹Abd Rahman Abdullah. 2000. *Sejarah Dan Tamadun Asia Tenggara*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur

dunia dekat Batu Buaya dan jenazah beliau telah dikebumikan di Santubong pada tahun 1641M.

Manakala majoriti penduduk bahagian Sri Aman dan bahagian Kapit Sarawak telah menerima Islam dan ditambah pula dengan pengislaman ketua-ketua kaum, perkahwinan dengan gadis-gadis Melanau dengan penduduk di beberapa bahagian Sarawak termasuk Baram dan Miri. Justeru Islam telah bertapak di Sarawak bermula pada abad ke-15 lagi dan buktinya adalah semasa pemerintahan Kesultanan Brunei ditadbir oleh Sultan Muhamad (Awang Khalak Betatar) di daerah kekuasaan Brunei seperti yang dinyatakan sebelum ini iaitu wilayah Kalaka, Saribas, Samarahan, Sarawak (Kuching) dan Mukah. Kini, semua wilayah di atas terletak di bawah pentadbiran negeri Sarawak. Sementara pendapat lain menyatakan Islam mula bertapak di Sarawak adalah pada abad ke-16 dan mula berkembang ke negeri-negeri lain di sekitar negeri Sarawak termasuk Bintulu.

Penekanan kepada ajaran Islam amat dititikberatkan terutama kepada orang Melayu Sarawak. Sejak kecil kanak-kanak didedahkan dengan ajaran Islam menerusi kaedah menghafaz, mengaji ayat-ayat al-Quran dalam bahasa Arab. Kelas-kelas mengaji al-Quran telah ditubuhkan di kebanyakan perkampungan Melayu Sarawak. Kanak-kanak perempuan pula menerima pendidikan Islam daripada ibu bapa atau ahli keluarga terdekat, manakala kanak-kanak lelaki akan dihantar ke rumah seorang guru atau ustaz yang amat dihormati pada ketika itu.

Walau bagaimanapun tarikh sebenar kedatangan Islam ke Sarawak adalah suatu perkara yang tidak dapat dipastikan dengan tepat, sebagaimana tarikh sebenar kedatangan Islam ke Alam Melayu yang masih tidak mencapai kata sepakat para pengkaji hingga kini. Apa yang jelas, penyebaran Islam pada peringkat awal adalah lebih awal daripada penjajahan Barat dan dikukuhkan lagi apabila terbentuk Kerajaan Melayu Melaka (1400-1511). Perkembangan Islam juga terbatas di kawasan perdagangan iaitu kawasan pantai sahaja, di mana pelabuhan-pelabuhan pada waktu itu dikuasai oleh para pedagang Arab. Bukti-bukti lain berasaskan penemuan daripada catatan-catatan yang wujud pada batu-batu nesan orang Islam di Brunei pada abad ke-15 dan hubungan erat antara kerajaan Sarawak dengan Brunei.

Peranan Kesultanan Brunei

Secara khususnya, kedatangan Islam di Brunei amat berkait rapat dengan kedatangan Islam ke Sarawak. Bahkan Kesultanan Brunei sebenarnya adalah pihak yang paling berpengaruh dalam mengembangkan Islam di Sarawak. Anggapan ini dibuat kerana Sarawak adalah sebahagian wilayah Brunei sebelum kedatangan penjajah Eropah. Oleh itu, kajian sejarah berkaitan Sarawak tidak dapat lari daripada sejarah Brunei. Sebelum kedatangan penjajah Belanda, British, Sepanyol dan Amerika Syarikat di Kepulauan Borneo, Brunei memiliki wilayah yang amat luas, bermula dari Tanjung Datu (Sarawak) di selatan hingga ke Manila (Filipina) di sebelah utara.

Bukti Catatan Tarsilah Brunei

Menurut al-Sufri dalam Tarsilah Brunei, penyebaran Islam secara rasmi dalam Kerajaan Brunei dapat dikesan melalui pengislaman pemerintahnya, Awang Khalak Betatar yang kemudian diberikan nama Sultan Muhamad Shah oleh kerajaan Johor pada tahun 1368. Fatimi dalam *Islam Came To Malaysia* (1963) merumuskan kedatangan Islam ke Kepulauan Borneo sebenarnya jauh lebih awal daripada tarikh pengislaman ini. Namun tarikh yang tepat masih diperselisihkan oleh para pengkaji. Apa yang penting ialah Islam mula bertapak kukuh di Borneo setelah peristiwa pengislaman ini.

Pada masa pemerintahan Awang Khalak Betatar, Brunei memiliki lima buah pusat perdagangan di Sarawak iaitu Kalaka, Saribas, Samarahan, Sadong dan Sarawak yang sering menghantar ufti kepada baginda. Dengan sifatnya sebagai seorang Sultan yang memerintah, sudah tentu rakyat yang berada di bawah para pemerintah Islam di Tanah Melayu, Sumatera dan Jawa mudah menerima Islam dan mengikut apa yang dikehendaki pemerintah. Pandangan di atas dikukuhkan lagi dengan catatan Batu Bersurat Brunei bertarikh 1368M dan menjadi bukti Islam telah berkembang pesat di Brunei. Tulisan pada Batu Bersurat Brunei yang menjadi bukti kedatangan Islam ke Brunei berbunyi: “..Maka adalah yang pertama kerajaan di negeri dan membawa agama Islam dan mengikut syariat Nabi kita Muhammad Shallallahu ‘alaihi wassallam iaitu Paduka Seri Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad”.

Agama Islam telah bertapak di Brunei sejak abad ke-10 dan 11. Sebagai bukti pada tahun 977M, satu perutusan dari Brunei telah pergi

ke China yang diwakili oleh Abu Ali (Pu Ali), Syeikh Nuh (Shih Nuh) dan Kadi Kassim. Sebelum itu seorang pedagang China iaitu Pu Lu Hsieh telah tiba di Brunei. Turut ditemui Batu Nisan Puteri Makhdarah Bt. Ali yang bertarikh 440H/1048M di Brunei. Sultan Brunei pertama, Sultan Muhamad Shah atau dikenali Awang Khalak Betatar telah berkahwin dengan puteri Johor. Awang Khalak Betatar ini berketurunan Bisayah, Limbang dan telah memeluk Islam pada tahun 1476M. Sejak itu bermula Kesultanan Melayu Islam Brunei hingga ke zaman ini.

Ramai ahli sejarawan berpendapat perkembangan Islam di Brunei mempunyai kaitan yang amat rapat hingga mempengaruhi perkembangan Islam di Sarawak. Sultan Brunei sekarang adalah Sultan Hj. Hasanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni al-Marhum Sultan Hj. Omar Ali Saifiddien Sa'adul Khairi Waddien. Pemerintah yang ke-29 daripada sistem pemerintahan yang bermula pada 1405M. Brunei terletak di bahagian utara Sarawak dan berjiran dengan Miri dan Limbang, keluasan Brunei adalah 5.765km persegi dengan populasi 372.360 orang yang hanya menempati 1% daripada keluasan pulau Borneo. Mendapat kemerdekaan daripada British sejak tahun 1984 dan mengamalkan falsafah nasional Melayu Islam Beraja. Kaya dengan sumber minyak dan gas.

Walaupun tarikh pada batu bersurat itu berbeza dengan tahun pemeluk Islam oleh Awang Alak Betatar yang dianggap tahun bermulanya Islam berkembang di Brunei, ia tetap tidak menolak yang Islam telah mula bertapak di Brunei lebih awal dari tahun tersebut. Hal ini kerana ada catatan yang menyebut utusan raja Hiang Ta dari Puni (Brunei) telah mempersembahkan hadiah kepada Maharaja China pada tahun 979M.

Sultan Brunei Berbangsa Arab

Perkembangan Islam di Brunei menjadi kukuh pada zaman pemerintahan Sultan Brunei Ke-3 iaitu Sultan Ali Bilfalih yang asalnya seorang pedagang Islam dari Tanah Arab yang datang berdagang sambil berdakwah. Perkahwinan beliau dengan anak perempuan Sultan Brunei yang kedua memberikan peluang besar untuk beliau menyebarkan Islam melalui perkahwinan dan kekuasaan. Menurut Crawford dalam *History of the Indian Archipelago Vol II*, pendekatan dakwah secara diplomasi sebegini sudah menjadi lumrah bagi pendakwaan Islam di Alam Melayu (Crawford 1967). Sultan Ali

Bilfalih disifatkan oleh para pengkaji seperti Hugh Low sebagai telah menegakkan Islam, menguatkuasakan syariat Nabi Muhammad (s.a.w.) dan membina masjid. Berketurunan syarif dari Tanah Arab dan pernah dilantik sebagai wakil Sultan Brunei Ketiga bagi menjalankan tugas mentadbir di beberapa buah wilayah naungan Kesultanan Melayu Brunei di Sarawak.

Kesultanan Brunei (Sultan-sultan)

Dakwah Islam semakin kukuh dan tersebar apabila Brunei menjadi sebuah kuasa politik yang kuat dalam kurun ke-15 dan 16M. Pemerintah yang terkenal pada masa itu ialah Sultan Bolkiah 1, Sultan Brunei Ke-5 yang memerintah antara tahun 1516-1521M. Pigafetta dalam catatan pelayaran beliau menyebut tentang kehebatan Brunei pada zaman itu (Mullen 1967). Pada zaman Sultan Bolkiah 1, Brunei yang telah menguasai seluruh kawasan Sarawak iaitu negeri Kalaka, Saribas, Samarahan, Sarawak (Kuching hari ini) dan Mukah meluaskan kekuasaan beliau ke kawasan Kalimantan iaitu di Sambas, Kuta-Waringin, Pontianak, Coti, Pasir, Barau, Tuli-tuli, Banjar dan Bolongan.

Di samping itu, semua wilayah Sabah turut dikuasai di samping ia menguasai seluruh Kepulauan Sulu, Balabac, Balambangan, Banggi, Matanai dan Palawan di Selatan Filipina. Dakwah Islam yang giat dijalankan di Brunei dan wilayah-wilayah kekuasaannya menjadikan hampir seluruh kawasan Borneo telah didatangi para pendakwah pada kurun ke-16M. Kesan besar usaha dakwah kerajaan Brunei terhadap wilayah Sarawak pada hari ini ialah kejayaannya mengislamkan suku-suku bumiputera Sarawak khususnya orang Melanau yang terdapat di kawasan pesisir Sarawak iaitu di bahagian ketiga, kelima, keenam dan ketujuh.

Golongan ‘Syarif’ di Brunei

Ahli sejarawan negara Brunei juga mempercayai ‘Syarif’ yang berketurunan Arab memerintah bagi pihak Kesultanan Brunei juga telah berjaya mengislamkan kesemua orang Melayu Sarawak dan kawasan persisiran pantai dan sungai. Mereka dipercayai menerima Islam dengan mudah kerana kedudukan geografi mereka yang mudah didatangi padangang luar yang beragama Islam. Komuniti Melayu Muslim ini bertambah apabila orang Melayu Islam dari Jawa, Sumatera, Sulawesi dan Bawean di utara Jawa berhijrah ke Sarawak dan mendiami persisiran pantainya (Hugh Low :1879).

Manakala hasil interaksi mereka kaum Dayak dengan pendatang Arab, maka dari sini lahir sebahagian keturunan baharu orang Melayu Islam Sarawak. Antara keturunan ‘Syarif’ yang berperanan utama seperti Syarif Ali Bilfalih. Beliau dilantik sebagai Sultan Brunei Ke-3 dengan gelaran Sultan Syarif Ali Bilfalih kerana Sultan Brunei Ke-2 (Sultan Ahmad) tidak mempunyai anak untuk mewarisi takhta Kesultanan Brunei. Sultan Syarif Ali Bilfalih yang juga mendapat jolokan ‘Sultan Berkat’ dan ‘Ali Bil Falih’ (1425-1432M) telah berkahwin dengan anak perempuan Sultan Ahmad bernama Puteri Ratna Kesuma. Baginda asalnya seorang ulama yang datang dari Thaif Mekah dan berhijrah ke Brunei bersama-sama sahabat beliau iaitu Sayid Alwi Ba Faqih dan Sayyid Hassan al Haddad dan meninggal dunia pada abad ke-15 (Lockard :1973).

Bermula zaman pemerintahan Sultan Muhammad, Sultan Ahmad dan Sultan Syarif Ali Bilfalih, syiar Islam berjaya berkembang hingga memasuki zaman pemerintahan Sultan Bolkiah (Sultan Brunei ke-5). Baginda amat mengambil berat tentang perjalanan dakwah dan menguatkuasakan undang-undang syariat serta membina beberapa buah masjid. Kemasyhuran Brunei sebagai pusat penyebaran Islam telah menyebabkan ramai ulama datang ke Brunei dan Islam berjaya disebarkan ke seluruh wilayah Brunei meliputi wilayah Utara Brunei dan Sarawak. Malahan Paderi Domingo de Salazar berpendapat Islam terus berkembang maju semasa Brunei diperintah oleh Sultan Muhammad Hassan (1582-1598M) hingga meliputi wilayah Suluk, Cuyo, Keramian dan Mindanao.

Pedagang-pedagang Arab ini lebih dikenali dengan panggilan ‘Syarif’ telah memainkan peranan penting dalam membantu proses dakwah di Sarawak. Selain kemahiran dalam perniagaan dan perdagangan, mereka juga memiliki ilmu pengetahuan Islam yang mantap dan mahir dalam soal pentadbiran, politik dan pengurusan negara. Dari sini Islam mula memasuki Sarawak hasil peranan yang dimainkan oleh pedagang-pedagang Arab yang mengembara untuk tujuan perdagangan dan dakwah melalui Jawa dan Johor serta melalui Brunei dan faktor perkahwinan yang terjadi dengan penduduk tempatan di Sarawak. Pendapat yang mengatakan bahawa Islam tiba ke Sarawak dari Brunei disokong fakta sejarah (abad ke-15). Dipercayai Awang Khalak Betatar (Raja Brunei I memeluk Islam) adalah dari suku Bisaya, Limbang apabila berkahwin dengan puteri Salbiah dari Johor dan memakai gelaran Sultan Mohammad (1405-1415M).

Justeru, tidak mustahil ada sebahagian ‘Syarif’ yang dilantik sebagai pentadbir daerah seperti di Lingga (Syarif Jafar), Kalaka (Syarif Maulana) dan di Sadong (Syarif Sahabudin dan Syarif Sahib) (C. Brooke : 1866) dan Syarif Masahor di Sarekei yang berperanan menyebarkan Islam di kawasan masing-masing. Manakala Datu Merpati dan ahli keluarga beliau turut membantu dalam penyebaran Islam kepada etnik Melayu yang tinggal di bahagian barat daya Sarawak.

Datu Merpati adalah seorang putera Raja Majapahit yang bergelar Raden Menteri Dipati Jepang atau Datu Merpati Jepang yang berhijrah ke Sarawak pada kurun ke-15. Sarawak berjaya dikuasai Majapahit setelah kejatuhan kerajaan Srivijaya pada kurun-13. Beliau berkahwin dengan Datu Permaisuri anak perempuan Raja Jarom Jawa di Johor sebelum berhijrah ke Sarawak. Daripada keturunan Datu Merpati Jepang ini lahir golongan bangsawan Melayu Sarawak yang bergelar ‘Abang’. Golongan Melayu ‘perabangan’ Sarawak telah memegang jawatan terpenting seperti Datu Patinggi, Datu Temenggong, Datu Bentara terutama pada zaman pemerintahan Raja-raja Brooke di Sarawak.

Pergaulan Para Pedagang Islam

Cara pergaulan para pedagang Islam menjadikan penduduk tempatan menghormati dan memandangi tinggi orang yang beragama Islam. Ajaran Islam yang tidak mengamalkan kasta keturunan juga menarik minat masyarakat setempat yang pada masa itu masih dipengaruhi sistem kasta yang ditinggalkan oleh zaman Hindu-Budha. Ajaran Islam yang mudah dan praktikal pula menjadikan mereka lebih yakin berbanding dengan kepercayaan animisme yang mereka anuti sebelum ini. Faktor kehadiran orang Islam yang berdagang ini menggalakkan proses asimilasi bangsa dan agama berlaku. Bahkan bukan sekadar berdagang, ada juga yang duduk menetap bersama dengan masyarakat tempatan.

Sumbangan Datu Andi (Raja Jarum)

Pendapat lain menyatakan Islam memasuki Sarawak melalui peranan kerajaan Majapahit yang dibawa Datu Andi (gelaran Raja Jarum). Datu Andi juga dikenali Datuk Undi adalah berasal dari Sumatera dan menjalankan pemerintahan di Johor. Anak beliau bernama Datuk Permaisuri telah berkahwin dengan Datuk Merpati (Adipati) yang berasal dari Jawa. Baginda bersama puteri sulung Dayang Suri @ Datu Permaisuri berkahwin dengan Datu Raden Gusti (anak raja Majapahit).

Raja Jarum dan keluarga berpindah ke Sarawak (Kuching) apabila kuasa Raja Majapahit lumpuh setelah memeluk Islam. Datu Permaisuri menetap di Kuching, anak kedua di Saribas, anak ketiga Samarahan, anak keempat di Rejang dan anak kelima di Ulu Simpang Kanan Sungai Sarawak. Pengikut bertapak di Sadong. Islam tersebar di Sarawak kerana peranan yang dimainkan oleh Datu Andi dengan bantuan anak-anak beliau iaitu Dayang Suri atau Datu Permaisuri (puteri sulung) yang berkahwin dengan Datu Merpati Raden Gusti (anak Raja Majapahit) (Abdul Kadir Hassan :1968).

Apabila kerajaan Majapahit mula lumpuh, Datu Andi yang telah menganut Islam berhijrah ke Sarawak bersama keluarga beliau dan puterinya iaitu Datu Permaisuri yang akhirnya menetap di Kuching, anak kedua Datu Andi di Saribas, anak ketiga di Samarahan, anak keempat di Rejang dan anak kelima beliau di Ulu Simpang Kanan Sungai Sarawak. Pengikut dan anak keturunan masing-masing memulakan penempatan di seluruh bahagian Sarawak termasuk di Sadong. Pengaruh Islam yang berkembang pada kurun ke-15 dan 16 di wilayah-wilayah Majapahit telah merebak ke Kuching dan disampaikan oleh beberapa pendakwah dari negara rantau teluk yang singgah bersama-sama pedagang Arab.

Pada masa yang sama Aceh berperanan sebagai pusat perkembangan Islam dan ramai pendakwah datang ke Brunei. Brunei muncul sebagai pusat perkembangan dakwah dan perdagangan terkemuka Islam lebih awal memasuki Sarawak berbanding dengan Kristian sekitar tahun 1600-an. Manakala di Tanah Melayu atau kepulauan Melayu yang berpusat di Aceh dan Melaka sekitar tahun 1450-an adalah lebih awal lagi. Sanib Said menyatakan Islam bertapak di Sarawak menjelang abad ke-19 dan di Kalimantan pada abad yang sama.

Peranan Ulama-ulama Sarawak

Islam berkembang di Sarawak juga hasil sumbangan para ulama Sarawak dan peranan yang ditonjolkan oleh mereka adalah cukup besar. Meskipun ulama-ulama Sarawak menerima banyak tekanan daripada penjajah Inggeris yang menjajah Sarawak dari tahun 1946-1963M, mereka tetap menjalankan tugas dan tanggungjawab dakwah dengan sebaik-baiknya dan bersatu padu serta menelan kepahitan dan kesusahan bersama demi memastikan Islam tersebar di seluruh Sarawak. Sejarah merakamkan dengan semangat untuk bebas yang bertunjangkan Islam, tidak mudah dikongkong oleh penjajah,

semangat kerjasama dalam perkara kebaikan telah membantu masyarakat Islam Sarawak dalam usaha menghapuskan penjajah seperti James Brooke dan mengembangkan Islam di bumi Sarawak. Antara ulama yang bergerak aktif seperti Datuk Hakim Imam Haji Morshidi dan Haji Sharkawi Syeikh Othman Sarawak yang berjaya menyuntik semangat orang Melayu Sarawak menentang James Brooke dalam peristiwa penyerahan Sarawak kepada pihak Britain.

Ulama-ulama Sarawak yang masyhur dan banyak memberi sumbangan dalam menyebarkan dakwah Islam di bumi Sarawak terdiri daripada Imam Abg Haji Nawawi yang pernah berkhidmat sebagai Mufti Sarawak pada zaman pentadbiran James Brooke, diikuti Imam Hj. Bahaudin, Abg Hj. Julaihi dan Hj. Salleh Arif. Ulama-ulama ini telah bersatu dan membentuk 'Majlis Syuyukh Islam' yang akhirnya membentuk Majlis Islam Sarawak (MIS). MIS ini telah ditubuhkan pada 1 Mei 1955 dan banyak memainkan peranan penting dalam hal ehwal pentadbiran Islam, perkembangan pendidikan Islam, dakwah dan penyelidikan di Sarawak (Jurnal Arkib Sarawak, t.th).

Tetapi ketika di era penjajahan keluarga Brooke (1841-1941M) terdapat ramai lagi ulama Sarawak bergiat cergas menjaga kesucian Islam dan memastikan Islam tersebar di bumi Sarawak. Mesyuarat pertama MIS yang diadakan pada tahun 1852M bersetuju melantik Abg Abdul Ghafur sebagai Datu Imam I yang bertanggungjawab memastikan Islam disebarkan di Kuching Sarawak. Beliau juga merupakan imam pertama dilantik sebagai Imam Masjid Besar Sarawak pada tahun 1851-1854M. Bermula dengan mesyuarat tersebut, Sarawak mula melahirkan beberapa tokoh ulama terkenal seperti berikut:

Datuk Hakim Abang Hj. Abd. Rahman

Beliau juga dikenali dengan gelaran 'Datuk Hakim Keramat' dan dua anak murid beliau yang banyak memberi sumbangan dalam perkembangan Islam di Sarawak adalah Datuk Hakim Hj. Ashaari dan Syeikh Hj. Othman Abdul Wahab. Nama beliau juga diambil untuk dinamakan kepada sebuah sekolah di Kuching iaitu Sekolah Menengah Agama Syeikh Hj. Othman Abd. Wahab yang terletak di Matang dan ditubuhkan pada tahun 1977 (Johari Bojeng 1969-1979, 103-104). Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Agama masyarakat Islam oleh J. Brooke dengan jawatan Tuan Hakim sejak tahun 1870 dan Datuk Hakim sejak tahun 1886. Salasilah keturunan beliau adalah

daripada Abang Ambil yang berkahwin dengan Dayang Bagus. Perkahwinan ini melahirkan Haji Ibrahim b. Abang Ambil yang berkahwin dengan Dayang Maimunah. Hasil perkahwinan inilah lahirnya Datuk Hakim Abang Haji Abdul Rahman b. Haji Ibrahim. Isteri Datuk Hakim Abang Haji Abdul Rahman bernama Datin Fatimah dan antara anak-anak beliau seperti Datuk Hakim Azhari, Datuk Hakim Haji Ashari, Syaikh Syabli, Datuk Lumam Haji Suhaili dan Datuk Hakim Haji Musaili. Beliau kembali ke rahmatullah pada 12 September 1937.

Syeikh Othman Abd. Wahab

Nama penuh beliau adalah Othman Bin Abdul Wahab Bin Ahmad Bin Abdullah Bin Patinggi Amir Bin Datu Akbar. Dilahirkan Di Kg. Sinjan Sarawak pada hari Jumaat bersamaan 10 atau 11 Muharam 1281H/1863M. Antara karya beliau adalah *Kitab Hasyiyah al Minhaj* dan *Tarjumah al Misbah*. Pendidikan awal beliau di rumah Datu Hakim Abd. Rahman dan sempat menguasai ilmu-ilmu nahu, saraf, feqah, faraid dan menjadi hafiz ketika usia beliau 14 tahun. Manakala ulama-ulama lain yang turut menabur bakti dalam penyebaran Islam antaranya Syeikh Syazali b. Syeikh Othman, Syeikh Zainuddin b. Syeikh Othman, Tuanku Hj. Suut b. Abdul Wahab, Sahibus al-Samahah Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan, Datuk Patinggi Abang Hj. Abdillah, Imam Amir Tuan Hj. Daud Abd. Ghani, Datuk Imam Murshidi Abang Hj. Nuruddin b. Datuk Patinggi Abang Hj Abdillah, Tuan Hj. Yusof b. Abd. Ghani, Hj. Sibli Abdul Rahman, Datuk Imam Abang Hj. Suhaili, Datuk Hakim Abang Hj. Mohiddin, Abang Hj. Bahauddin, Abang Hj. Julaihi Datuk Temenggung Abang Hj. Ali dan Datuk Hakim Abang Hj. Moasili b. Abg. Abd. Rahman.

Mereka semua bertanggungjawab mengembangkan Islam di Sarawak. Menurut ahli sejarawan, ulama-ulama ini pernah ke Melaka untuk mendalami ilmu-ilmu agama dan kembali semula ke Sarawak untuk memantapkan lagi penyebaran dakwah. Islam juga tersebar ke Sarawak melalui sistem pendidikan yang diperkenalkan ulama seperti Datuk Hakim dan Imam Hj. Murshidi (1877-1939). Imam Hj. Murshidi ini pernah dilantik sebagai hakim mahkamah syariah Sarawak pada zaman James Brooke. Ketokohan beliau terserlah terutama dalam bidang pendidikan Islam dan pentadbiran serta banyak memberi sumbangan dalam perkembangan syiar Islam di Sarawak.

Beliau juga adalah pengasas Madrasah al-Mursyidiyyah (1917M) yang selepas itu ditukar nama kepada al-Madrasah Islamiyah dan ditukar lagi nama kepada Majlis Islam Sarawak (MIS) yang berfungsi sebagai Pusat Pengajian Islam. Ia terletak di Jalan Gambier Kuching dan madrasah inilah yang melahirkan ramai ulama seperti Datuk Hj. Abd. Kadir Hassan yang menjadi Mufti Sarawak dan ulama-ulama terkenal lain seperti Ust. Mohamad Mortadza Hj. Daud serta Ust. Awang Pon yang pernah memegang jawatan Kadi Besar Negeri Sarawak. Ulama-ulama lain yang menjadi anak didik Imam Hj Murshidi seperti Abang Hj Junaidi, Haji Abdul Rahman, Wan Othman, Wan Junaidi dan Tuanku Madhi yang telah mempelajari ilmu bahasa Arab, Fiqh, Tasawuf, Usuluddin dan ilmu alat daripada Imam Hj. Murshidi dan akhirnya anak-anak murid ini membuka kelas-kelas pengajian agama di kediaman masing-masing hingga Islam tersebar luas di bumi Sarawak. Imam Hj. Murshidi pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada 26 September 1936. Antara jawatan yang pernah dipegang beliau seperti Datuk Hakim (1925), Ahli Konsul Negeri (1925), Ahli Penasihat Jawatankuasa Pentadbiran (1931), Datuk Imam (1932), Majistret Kelas Keempat (1933) dan Ahli Lembaga Pemeriksa pegawai-pegawai kerajaan.

Dalam usaha Islam dapat berkembang di Sarawak, beberapa buah sekolah formal telah didirikan antaranya Sekolah Kampung Jawa (1883), Sekolah Kampung Gersik (1893), dan School For The Study Of Mohamedan Theology (Sibu). Sukatan pelajaran pada zaman itu lebih kepada pengajian ilmu usuluddin, fekah, al-Quran, matematik dan tulisan jawi. Madrasah Islamiah ini telah berjaya melahirkan ramai ulama seperti Abdul Kadir Hassan dan Imam Fathi. Manakala untuk kaum muslimat yang mahu mendalami ilmu-ilmu pengajian Islam seperti fardu ain didirikan pula sebuah sekolah dengan nama Sekolah Kajang di bahagian Kuching Sarawak. Menurut Yg. Bhg. Dato' Sri Haji Anis Bin Haji Abot, antara guru yang pernah mendidik dan memberi sumbangan bakti di Madrasah Islamiah ini adalah Ustaz Sharkawi Othman dan Tuan Haji Jol. Ketika ketiadaan Ustaz Sharkawi kerana mengerjakan ibadah haji dan mendalami ilmu agama di Mekah, tugas beliau diambil alih oleh Tuan Hj Jol dan diambil alih pula oleh Ustaz Nahrawi Abd Hamid yang mengajar secara sukarela tanpa gaji. Tokoh ini sewajarnya dikenali sebagai ulama masa kini yang bergiat secara langsung dalam menyebarkan Islam di bumi Sarawak.

Anis Abot dilahirkan di Kampung Sungai Bedil Besar pada 18 Januari 1940, bersamaan 7 Zulhijjah 1377H. Moyangnya berketurunan Sambas, Kalimantan Barat Indonesia. Neneknya berasal dari Siniawan, Bau, Kuching. Ibunya Minah binti Sejing seorang bidan kampung dan dukun di Kampung Sungai Bedil Besar. Beliau berpendidikan awal di Madrasah Al-Islamiah Al-Arabiyah. Untuk memantapkan ilmu pengetahuannya, beliau turut mengikut beberapa kelas umum iaitu Kelasa Tambahan Bahasa Inggeris (diajar oleh Cikgu Jol bin Abdul Karim) Private English School Day, Night and Evening Class, Jalan Haji Taha, (Sekolah Dewasa) pada sebelah malam.

Untuk memenuhi cita-cita orang tuanya, beliau seterusnya melanjutkan pelajaran ke Madrasah al-Junaid al-Islamiah Singapura. Pendidikan terakhir beliau ialah di Kolej Islam Malaya. Anis Abot banyak menyumbangkan bakti dalam institusi keislaman di Sarawak seperti Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak pada 1 Mac 1985 - 28 Februari 2002, Ahli Majlis Islam Sarawak dan Jawatankuasa Fatwa MIS pada 1 Mei 1970, Setiausaha Tabung Zakat dan Fitrah, Mufti Negeri Sarawak pada 1 Mac 2002 hingga 1 Mac 2004.

Sumbangan yang begitu besar diberikan kepada masyarakat negeri Sarawak terutama dalam pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Sarawak sehingga beliau diiktiraf dengan memperolehi beberapa pingat dan bintang seperti Bintang Ahli Mangku Negara pada 3 Jun 1981, Darjah Panglima Negara Bintang Sarawak (PNBS) pada 7 Julai 1987 yang membawa gelaran Datuk (kemudian sekarang Dato Seri), Darjah Johan Setia Mahkota pada 6 Disember 1994, Pingat Peringatan Jubli Delima Merdeka (pingat perak) pada 25 Ogos 2003, Anugerah Jubli Emas Majlis Islam Sarawak pada 1 Mei 2002 dan Tokoh Khas Maal Hijrah pada 10 Januari 2008.

Ramai pelajar lepasan Madrasah Islamiah ini berjaya melanjutkan pengajian mereka ke Madrasah al-Junaid di Singapura termasuk Ustaz Nahrawi Abd. Rahman yang merupakan Imam Besar Masjid Negeri Sarawak sekarang. Selepas Datuk Nahrawi Abd. Rahman balik dari Singapura, beliau mengajar di Madrasah Islamiah dan dilantik sebagai mudir. Pelajar lain yang berjaya mendapat pendidikan di Madrasah Islamiah terdiri daripada Tan Sri Sulaiman Daud, Datuk Wan Wahab Sanusi, Mufti Dato' Sri Anis Hj. Abot, Mufti Datu Loling Othman, residen-residen, pegawai-pegawai kerajaan seperti Ustaz Awang Pon

Awang Sebon dan Ustaz Sham Ojeh. Hasil sumbangan institusi-institusi pendidikan Islam ini, ramai ulama-ulama muda dilahirkan dan Islam berjaya berkembang dengan baik di bumi Sarawak sehingga sekarang.

KESIMPULAN

Kedatangan Islam ke Sarawak berkait rapat dengan peranan Kesultanan Brunei. Sejarah mencatatkan hubungan Kesultanan Brunei dengan Sarawak bermula sejak abad ke-15 lagi. Bantuan pemerintah Islam (Kesultanan Brunei) dan ulama-ulama dari Brunei menyemarakkan Islam di bumi Sarawak. Keamanan yang dikecapi Sarawak memudahkan urusan perdagangan antara wilayah Brunei dan Borneo (sebelum kedatangan Brooks) dan faktor perdagangan ini turut menyumbang menularnya Islam dalam kalangan masyarakat tempatan Sarawak. Tambahan pula dengan kewujudan pelabuhan Kalaka, Saribas dan Kuching menarik ramai pedagang luar dan tempatan menjalankan perniagaan yang menyebabkan berlakunya Islamisasi agama. Kedudukan Sarawak seperti wilayah Lingga, Kalaka dan Sadong yang ditadbir pada awalnya oleh Kesultanan Brunei berperanan besar lebih-lebih lagi dengan peranan yang dijalankan golongan syarif di wilayah-wilayah pentadbiran yang dinyatakan di atas seperti Syarif Jaffar, Syarif Mollana, Syarif Sabudin dan Syarif Sahib dan peranan orang Melayu Brunei yang berketurunan Arab. Faktor lain Islam diterima penduduk Sarawak hasil sumbangan para ulama Sarawak sendiri, faktor penjajahan Brooks, perkahwinan antara Awang Alak Betatar (nama beliau kemudian dikenali sebagai Sultan Muhammad (1405-1415M dari etnik Bisaya Limbang) dengan Puteri Salbiah (Johor) dan penubuhan institusi pengajian Islam walaupun dalam bentuk tradisi seperti pembelajaran dan pengajaran ilmu-ilmu agama di rumah-rumah ulama, masjid, pondok dan ada lepaan pengajian ini menyambung pengajian di Mesir, India, Pontianak, Sambas dan Makkah. Apabila pulang ke tanah air lulusan Arab ini menyambung proses penyebaran Islam di tanah air mereka di bumi Sarawak.

RUJUKAN

- A. Zainal Abidin & Abdullah Salleh. 2002. *Life in The Malay Kampung Kuching Fifty Years Ago*. Institute of East Asia Studies, Nusantara Studies. Samarahan Kuching: UNIMAS.
- A.V.M Horton. 1914. Brunei, Seventy-Five Years Ago (1914). *The Sarawak Gazette Journal*. Disember. CXVIII(1506): 24.

- Abang Mohd Atei Medaan. 2006. *Majlis Islam Sarawak, Sejarah, Peranan dan Perkembangan Serta Profil Para Peneraju 1955-2005*. Sarawak: Jabatan Agama Islam Sarawak.
- Abd. Jalil Bujang. 2007. HIKMAH sebagai institusi dakwah, Kuching. Temu bual, 13 September.
- Abd. Rahmn al-Ahmedi. 1981. *Sejarah Kedatangan Islam keAsia Tenggara*. Kuala Lumpur: Penerbit Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Abdul Kadir Hassan. 1968. *Perkembangan Islam Ke Sarawak Dalam Buku Cenderamata Pembukaan Masjid Besar Negeri Sarawak*. Terbitan JPM. Sarawak.
- Abdul Kadir Hassan. 1968. *Perkembangan Islam Ke Sarawak Dalam Buku Cenderamata Pembukaan Masjid Besar Negeri Sarawak*. 20 September 1968. Dipetik Daripada Buku Laporan Sekolah Agama Rakyat Negeri Sarawak Tahun 1986 Yang Disediakan Oleh Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Cawangan Sarawak.
- Abdul Latif Achai & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2003. *Peranan dan Sumbangan Harakah Islamiah (HIKMAH) kepada Masyarakat Islam Sarawak*. Ed. Terhad. Cetakan 1. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam.
- Abdul Wahab Latif. 2002. *Kedatangan Islam ke Malaysia: Perspektif Sejarah*. c.1. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff 2009. Masyarakat Islam di Saribas Sarawak: satu kajian aspek modenisasi dan perubahan sosiobudaya. *Prosiding Seminar Serantau Perkembangan Islam di Borneo 2008: Sejarah, Perkembangan dan Isu-Isu Kontemporari*, hlm. 115-119.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff 2009. Persepsi masyarakat Bintulu terhadap sistem perbankan Islam di Malaysia. *Prosiding Seminar Serantau Perkembangan Islam di Borneo 2008: Sejarah, Perkembangan dan Isu-Isu Kontemporari*. hlm. 200-205.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff. 2009. Islam di kalangan masyarakat Peribumi Bahagian Bintulu Sarawak dan peranan badan-badan dakwah. *Prosiding Seminar Serantau Perkembangan Islam Di Borneo 2009: Sejarah, Perkembangan Dan Isu-Isu Kontemporari*. hlm. 80-85.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff. 2012. Pendekatan Dakwah Melalui Pendidikan Kepada Masyarakat Orang Ulu Di Sarawak : Sumbangan Institusi Dakwah Kerajaan. *Prosiding Seminar Serantau Perkembangan Islam Di Borneo 2012: Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. hlm. 124-133
- Ahmad Nidzammuddin Sulaiman. 1994. *Integerasi Kaum di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminah Ahmad. 1991. *Majlis Islam Sarawak (MIS): organisasi dan peranan dalam perkembangan Islam di Kuching*. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya.

- Aminuddin Anas. 2012. Peranan Masjid Bintulu sebagai medium institusi dakwah, Bintulu. Temu bual, 2 November.
- Anis Abot. 1989. Peranan pegawai Islam di Sarawak dalam dakwah bersepadu. Kertas kerja Muzakarah Pegawai Kanan Islam Negeri Sarawak. Bintulu, 17-19 Februari.
- Anis Abot. 2008. Menelusuri peranan ulama terhadap perkembangan dakwah di Sarawak. *Prosiding Muzakarah Dakwah Negeri Sarawak. Buku Laporan*. 2007. Peribumi In Ulu Belaga. Right Land And Socio Economic Development. Kuala Lumpur: SUHAKAM.
- Jabatan Agama Islam Bahagian Bintulu. 2008. *Rekod Pendaftaran Menganut Agama Islam*.
- Jabatan Pelajaran Gabungan Bahagian Bintulu Sarawak Kementerian Pelajaran Malaysia. 2007. *Profail Enrolmen Pelajar Beragama Islam Bahagian Bintulu*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur. 1991. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia serta Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Demografi*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2008. *Buletin Perangkaan Bulanan Sarawak dan Jumlah Penduduk Sarawak*.
- Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak. 2006. *Luas Kawasan Mengikut Bahagian dan Daerah Pentadbiran*.
- Jaffary Awang, Ezad Azraai Jamsari & Hakim Zainal. 2003. *Jaringan Ulama Nusantara: Sorotan Terhadap Ulama dan Tokoh Agama BorneodalamIslam di Sarawak dan Sabah*. Bangi: Terbitan Bersama Fakulti Pengajian Islam UKM dan Jabatan Agama Islam Sarawak.
- Laporan Tahunan Perangkaan Sarawak. Jantina dan Negeri. Malaysia. 2000.
- Lockard. 1973. *The South East Asian Town In Historical Perspecyive : A Social History Of Kuching, Malaysia 1820-1970*
- Mohamad Pg.Abd Rahman Pg, 2001. *Brunei Melaka Dalam Abad Ke-15M:Jalinan Silaturahmi, Kesatuan dan Perpaduan DMDI. Melaka.Terbitan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme*.
- Mohd Amin Abdul Rahman. 2012. Peranan Badan-Badan Dakwah Sukarela Dalam Dakwah Islamiah Di Kalangan Bumiputera Sarawak Selepas Merdeka Hingga Tahun 80an. *Prosiding Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Terbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan, Brunei Dan UiTM, Malaysia. Hlm: 637-644
- Mohd Amin Abdul Rahman. 2012. Peranan Institusi-Institusi Islam Kerajaan Dalam Dakwah Islamiah Di Kalangan Bumiputera Sarawak Selepas Merdeka Hingga Tahun 80an. *Prosiding Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Terbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan, Brunei Dan UiTM, Malaysia. Hlm: 637-644
- Zainal Kling. 1989. *Kebudayaan Melayu Sarawak Dalam The Sarawak Museum Journal*. Dec. Vol XLI (61)

20 | *Ahmad Nasir bin Mohd Yusoff*

Ahmad Nasir Mohd Yusoff (Ph.D)

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Kertamadunan (JPKK)

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang, Selangor

E-mail: ahmadnasir@upm.edu.my